

## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1 Pendahuluan

Tulisan yang berfungsi sebagai sistem simbol secara rasmi bagi bangsa Cina merupakan hasilar kecerdikan manusia melalui tempoh penyelidikan yang panjang. Namun, sebelum tulisan diciptakan, bahasa-bahasa telah wujud bersama kewujudan manusia. Seseorang yang buta huruf berupaya berkomunikasi dengan orang lain dengan menggunakan bahasa yang sama tanpa mengenali tulisan bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, tulisan juga berupaya berdikari dan wujud tanpa bergantung kepada bahasa. Ini dapat dibuktikan melalui sesetengah bahasa yang telah hilang lenyap tetapi tulisannya masih dapat dikesan dan wujud seperti tulisan Maya. Secara amnya, tulisan di dunia ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori mengikut perkembangan sejarah, iaitu tulisan piktografik, tulisan ideografik dan tulisan fonografik ( Ensiklopedia Bahasa dan Tulisan, 1988: 400-403 ).

Tulisan Cina yang dilihat sebagai tulisan ideografik merupakan tulisan yang satu-satunya terdapat pada kehidupan manusia zaman kini. Ia berasal daripada tulisan piktografik purba yang diubahsuaikan (Qi Yu Cun,1985:126) dan berkembang menjadi tulisan yang berbentuk garisan. Kini, tulisan Cina telah dikembangkan menjadi tulisan yang berbentuk coretan. Dalam komunikasi pada

peringkat antarabangsa, tulisan Cina semakin berfungsi dan telah memainkan peranan yang penting. Lebih-lebih lagi sejak program-program komputer dan kaedah-kaedah kemasukan data yang mantap berjaya diperkenalkan.

Secara khususnya, tulisan Cina boleh disimpulkan kepada enam klasifikasi yang disebut sebagai Liu Shu (六书), iaitu metode induktif daripada cantuman beberapa komponen yang dapat menyatakan makna dan sebutan. Xu Shen (许慎, ahli filologi Cina pada tahun 58-147) dalam terbitannya 'Shuowen Jiezi' (说文解字) telah berjaya menarik kesimpulan sembilan ribu tiga ratus lima puluh tiga tulisan Cina kepada enam klasifikasi berdasarkan konsep Liu Shu. Keenam-enam klasifikasi tersebut ialah tulisan gambar piktografik (象形 [xiàng xíng]/ imitative drafts), tulisan penunjuk simbol, (指事 [zhǐ shì]/ indicative symbols), tulisan pemahaman logik, (会意 [huì yì] / logical aggregates), tulisan fonetik kompleks (形声 [xíng shēng] / phonetic complexes), tulisan pengalihan makna (转注 [zhuǎn zhù] / mutually explanatory ) dan tulisan pinjaman palsu (假借 [jiǎ jiè] / false borrowing). Antara keenam-enam klasifikasi tersebut di atas, tulisan gambar piktografik (象形 [xiàng xíng] / imitative drafts), tulisan penunjuk simbol, (指事 [zhǐ shì] / indicative symbols), tulisan pemahaman logik, (会意 [huì yì] / logical aggregates ), dan tulisan fonetik kompleks (形声 [xíng shēng] / phonetic complexes) diklasifikasikan mengikut cantuman komponen yang berfungsi sebagai pembawa erti dan fonetik manakala tulisan pengalihan makna ( 转注 [zhuǎn zhù] / mutually explanatory) dan tulisan pinjaman palsu (假借 [jiǎ jiè] / false borrowing) diklasifikasikan berdasarkan fungsi kegunaannya (sila rujuk muka surat 18).

Antara klasifikasi yang tersebut di atas, bilangan tulisan fonetik kompleks (形声 [xíng shēng] / phonetic complexes) semakin bertambah di mana pada mulanya terdapat 82% (7697 daripada 9353 tulisan) pada 'Shuowen Jiezi' (说文解字) tetapi telah mencapai 90% pada 'Kamus Kangxi' (康熙字典) (Luo Hua Yan, 1992:11). Kini, bilangan tulisan fonetik kompleks telah mencapai 95% daripada jumlah tulisan Cina yang berjumlah lebih kurang enam puluh ribu perkataan (Jiang Shan Guo, 1987:125). Keadaan sedemikian berlaku kerana terdapat keistimewaan dari segi perkaitan bentuk, makna dan sebutan pada tulisan tersebut dan ini amat sesuai bagi tulisan Cina yang dianggap sebagai tulisan ideografik. Tulisan tersebut boleh dibahagikan kepada dua komponen iaitu komponen penentu kategori (simbol bentuk) dan komponen siri fonetik (simbol fonetik). Ini bermakna, sesetengah tulisan Cina dalam kumpulan fonetik kompleks (形声 [xíng shēng] / phonetic complexes) berupaya menyatakan bunyi dan makna melalui bentuknya. Apabila seseorang itu melihat sesuatu tulisan fonetik kompleks, maka berkemungkinan besar dia dapat membaca bunyi atau mengeja tulisan itu dan memahami maksud yang dibawa oleh perkataan tersebut. Sebagai contoh, seseorang yang boleh menulis dan membaca tulisan Cina berupaya menyebutkan bunyi perkataan "洪 [hóng]" berdasarkan komponen "共 [gōng]" dan seterusnya mengetahui tulisan ini adalah berkaitan dengan "air" berdasarkan radikalnya iaitu bahagian "氵". Berasaskan pengetahuan tersebut, seseorang itu juga berupaya menyebutkan tulisan Cina yang mempunyai komponen "共" seperti "供, 拱, 玮" iaitu [gōng]. Di samping itu, tulisan yang mempunyai radikal "氵" boleh difahamkan bahawa tulisan tersebut berkait rapat dengan "air", contohnya seperti perkataan "海" (bermakna lautan), "湖" (bermakna tasik), "流" (bermakna mengalir), 泪 (bermakna air mata), dan sebagainya.

Akibat daripada kepunyaan keistimewaan yang tersebut di atas, maka bilangan tulisan fonetik kompleks yang berupaya mengurangkan masalah sebutan dan pemahaman itu telah bertambah sehingga meliputi lebih kurang 95% daripada tulisan Cina (Jiang Shan Guo, 1987:25).

Selain daripada aspek perkataan sebutan, terdapat juga perkaitan makna tersembunyi di kalangan tulisan yang bersiri fonetik sama. Contohnya seperti siri fonetik tersebut di atas iaitu "共" yang membawa makna "besar" ("洪" bererti air besar / air bah, "珙" bererti zamrud besar, "烘" bererti api besar / panggang , "哄" bererti suara besar / bising). Tulisan-tulisan bersiri fonetik sama dan mempunyai perkaitan makna tersembunyi ini dianggap sebagai "kerabat kata" (字族 [zì zú] / word families).

Seperti yang disebutkan di atas, seseorang itu berkemungkinan besar tetapi bukan seratus peratus dapat membaca bunyi atau mengeja tulisan fonetik kompleks dengan merujuk kepada komponen penentu sebutan atau siri fonetik sesuatu tulisan itu. Keadaan sedemikian berlaku disebabkan bukan semua simbol fonetik memainkan peranannya sebagai penentu sebutan. Dalam hal itu, kajian telah dijalankan ke atas tulisan fonetik kompleks supaya memperolehi kadar keberkesanannya dari segi penentu sebutan dan juga klasifikasi makna tersembunyi.

Secara kesimpulannya, tulisan Cina terutamanya tulisan fonetik kompleks merupakan tulisan ideografik yang unik. Tulisan jenis ini berupaya menyatakan makna dan bunyi melalui penentu kategori dan siri fonetiknya. Di samping itu, bagi sesetengah tulisan fonetik kompleks , komponen yang berfungsi sebagai penentu

sebutan juga memikul tugasnya sebagai pembawa makna tersembunyi. Keistimewaan-keistimewaan tersebut tidak terdapat pada mana-mana sistem tulisan di dunia ini. Dengan itu, adalah baik sekiranya kelebihan-kelebihan tulisan ini dapat dicungkil dan diperkembangkan supaya dapat melengkapkan sistem tulisan Cina dari segi kaitan antara bentuk, makna dan sebutan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak dahulu lagi, bilangan yang menggunakan bahasa Cina sebagai alat komunikasi amat besar. Namun begitu, memandangkan tulisan Cina mempunyai sejarah yang begitu lama sehingga lebih kurang tiga ribu tahun (Chen Yuan 陈原, Tesis Perbincangan Akademik Masalah Tulisan Cina, 1988:1), maka tidak hairanlah sekira perubahan dan perkembangannya berbagai-bagai dan rumit. Keadaan sedemikian seterusnya membawa kepada berlakunya kekeliruan di kalangan pengguna bahasa Cina dari segi bentuk, makna dan sebutan. Lebih-lebih lagi bagi tulisan fonetik kompleks yang menakluki lebih kurang 90% daripada jumlah tulisan Cina. Ini disebabkan komponen radikal dan komponen siri fonetik pada tulisan fonetik kompleks tidak mudah dikesan dan seterusnya mengakibatkan kalangan pengguna bahasa tersebut sering melakukan kesalahan dalam sebutan dan tulisan tanpa disedari.

Disebabkan fenomena ini, ahli-ahli filologi telah berusaha mencari jalan untuk menyelamatkan pengguna bahasa Cina daripada berlakunya kesalahan-kesalahan tersebut di atas. Usaha-usaha itu seterusnya membawa kepada pembangunan filologi di negara China. Dinasti Han (汉朝) dan Dinasti Qing (清朝)

merupakan zaman kemuncak bagi filologi. Terbitan-terbitan dalam bidang tersebut pada Dinasti Han telah membangun keseluruhannya dan memperkuatkan dasar filologi. Ahli-ahli filologi pada Dinasti Qing pula menitikberatkan teori dan kaedah, mereka bukan sahaja mengembangkan ilmu tersebut sehingga menjadi salah satu matapelajaran bahasa, malahan juga merapatkan hubungan ilmu tersebut dengan historiologi, arkeologi dan fonologi (Ensiklopedia Bahasa dan Tulisan Cina, 1988:172).

Menurut Zhuang Lian Zhi (1997), bilangan yang menggunakan bahasa Cina lebih kurang sama dengan bilangan-bilangan yang menggunakan bahasa Inggeris iaitu lebih kurang limabelas ratus juta orang. Kini, bilangan pengguna bahasa Cina semakin bertambah lagi. Keadaan ini berlaku kerana terdapat keistimewaan pada tulisan Cina, antaranya adalah kerana ia dapat diklasifikasikan dan dikategorikan serta masih merupakan tulisan ideografik yang satu-satunya tertinggal dan aktif berfungsi di dunia ini. Walau bagaimanapun, sesiapa yang ingin memahami keistimewaan bahasa Cina secara permukaan sahaja akan menghadapi kegagalan, hanya mereka yang memperolehi pengetahuan fonologi dan filologi Cina berupaya memahami sifat-sifat tulisan Cina yang begitu bermakna serta unik dan seterusnya menggunakan tulisan Cina secara berkesan. Ini adalah kerana setiap "garisan" tulisan Cina memainkan peranan yang penting sama ada dari segi penentu kategori mahupun siri fonetik, tanpa pemahaman ke atas "garisan-garisan" atau bentuk sesuatu tulisan Cina, keistimewaan tulisan Cina tidak dapat ditonjolkan.

Secara keseluruhannya, tulisan Cina yang bersejarah lebih daripada tiga ribu tahun dan masih terus berkembangan mempunyai sistem penyampaian makna dan sebutan yang kreatif. Jadi, ia harus dilihat sebagai khanazah yang tidak ternilai harganya. Segala kajian-kajian terhadapnya harus digalakkan supaya pengguna-pengguna tulisan tersebut berupaya menggunakannya dengan lebih berkesan lagi.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Walaupun keistimewaan tulisan fonetik kompleks adalah terdapat perkaitan di antara bentuk, makna dan sebutan pada satu tulisan, namun bukan semua tulisan fonetik kompleks (形 声 [xíng shēng] / phonetic complexes ) boleh dibaca dengan hanya merujuk kepada siri fonetiknya. Contohnya tulisan Cina yang bersiri fonetik "冬" seperti "冬" dan "氣" disebut sebagai [dōng], "終" dan "蟲" disebut sebagai [zhōng], "終" disebut sebagai [tóng] tetapi "疼" disebut sebagai [téng].

Dalam mencari punca fenomena itu, Bernhard Karlgen, seorang linguis dari Sweden telah menjalankan kajian ke atas dua belas ribu tulisan fonetik kompleks. Akhirnya beliau telah membuat kesimpulan bahawa punca-punca yang membawa kepada perbezaan bunyi oleh sekumpulan tulisan Cina walaupun berkongsi satu siri fonetik adalah disebabkan 'gangguan dialek' (Bernhard Karlgen, 1929:16-33). Didapati dialek memainkan peranan yang penting dalam menjelaskan punca-punca yang menyebabkan bunyi tulisan siri fonetik berbeza di antara satu dengan lain. Menurut kajian Bernhard Karlgen pada tahun 1929, sekiranya tulisan "減 [jiǎn]", "減 [hǎn]", "感 [gǎn]", "咸 [xián]" disebut dalam berdasarkan dialek Kantonis ("減 [kām]", "減 [χām ]", "感 [Kām ]", "咸 [χām ]"), maka tulisan-tulisan itu boleh

dimasukkan di bawah siri fonetik "咸 [xian]" tanpa menimbulkan sebarang kontradiksi. Seterusnya, Bernhard Karlgren menamakan tulisan-tulisan yang berkongsi satu siri fonetik itu sebagai "kerabat kata" (字族 [zì zú] / word families).

Berlandaskan dapatan kajiannya, Bernhard Karlgren berjaya menjelaskan perubahan-perubahan fonetik bahasa Cina kuno yang menyebabkan fenomena kelainan bunyi yang berlaku pada satu siri fonetik. Ini bermakna, pada asalnya tulisan fonetik kompleks berkait rapat di antara satu dengan lain dari segi siri fonetik. Namun, kajian Bernhard Karlgren tidak menyentuh kerabat kata dari aspek makna tersembunyi dan Liu Shu, ini seterusnya menimbulkan dua persoalan iaitu adakah kesemua kelainan sebutan tulisan Cina yang bersiri fonetik sama disebabkan oleh faktor 'gangguan dialek' ataupun terdapat juga faktor lain yang berhubung rapat dengan Liu Shu memandangkan Liu Shu merupakan ilmu asas bagi pembentukan tulisan Cina. Sekiranya ya, adakah kadar keberkesanan penentu sebutan yang berdasarkan Liu Shu jauh lebih tinggi daripada kadar keberkesanan penentu sebutan yang hanya dilihat secara permukaan sahaja?

Bagi persoalan kedua pula, adakah terdapat kaitan makna tersembunyi di antara tulisan-tulisan Cina yang berkongsi satu siri fonetik? Soalan ini ditimbulkan kerana mengikut keistimewaan tulisan fonetik kompleks, makna dan sebutan selalunya berkaitrapat dengan bentuk tulisan. Kini, Bernhard Karlgren telah menyelesaikan sebahagian masalah kelainan sebutan tulisan Cina, apa pula bagi masalah makna tersembunyi?

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah mengenai penentu sebutan dan makna tersembunyi yang ada pada kumpulan kata siri fonetik [ing] bahasa Cina (sila rujuk muka surat 13). Jadi, perkaitan di antara makna dan sebutan sekumpulan kata yang berkongsi satu siri fonetik akan dititikberatkan. Kesemua ini adalah bertujuan untuk memenuhi objektif-objektif berikut :

- i) menghasilkan satu klasifikasi makna tersembunyi yang sistem dan teratur agar dapat menjadi bahan rujukan utama sekiranya pihak-pihak tertentu ingin mencipta tulisan Cina baru yang berupaya menyampaikan sebutan, makna luaran dan makna tersembunyi dalam satu bentuk tulisan sahaja.
- ii) Mencari kadar keberkesanan penentu sebutan berdasarkan Liu Shu supaya menonjolkan kepentingan memperolehi ilmu asas pembentukan tulisan Cina dalam mengurangkan masalah kekeliruan sebutan.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Disebabkan bilangan tulisan Cina yang besar (lebih kurang enam puluh ribu tulisan), jadi adalah baik sekiranya satu cara yang mudah, bersistem dan teratur dapat diperkenalkan supaya bahasa Cina tidak lagi dianggap sebagai salah satu bahasa yang susah untuk diingati, ditulis dan dibaca di kalangan pelajar bahasa Cina. Dalam mencapai hasrat itu, kajian bagi kumpulan kata fonetik kompleks amat penting kerana ia meliputi lebih kurang 90% daripada tulisan Cina. Tambahan pula, kumpulan kata fonetik kompleks lebih berkemungkinan besar dapat dikaji dan

diwujudkan satu cara pelajaran yang bersistem dan teratur kerana terdapat keistimewaan dari segi penyataan sebutan dan makna .

Kajian tulisan fonetik kompleks adalah penting memandangkan ia dapat mengaitkan bentuk, makna, bunyi tulisan Cina dan seterusnya membina satu sistem sintakmatik yang berasosiasi. Kajian tersebut bukan sahaja dapat menonjol keistimewaan tulisan fonetik kompleks, bahkan juga dapat memenuhi keperluan komunikasi dan memandu tulisan Cina ke satu era yang baru. Ini bersesuaian dengan ciri-ciri bahasa iaitu bahasa berubah mengikut keperluan masyarakat dan sering mengalami reformasi.

Akhir sekali, bahasa Cina merupakan khanazah yang diwarisi oleh nenek-moyang kita, kita harus mengkajiinya secara mendalam, mengulas kekurangan dan mencungkil kelebihan sehingga tulisan Cina dapat diperkembangkan sepenuhnya. Hanya dengan kajian-kajian yang berasaskan teori dan kajian tokoh-tokoh lepas, barulah tulisan Cina dapat menyelamatkan diri daripada ketinggalan zaman, memanfaatkan pengguna-pengguna dan terus maju ke depan. Dengan lain perkataan, bahasa Cina harus berubah mengikut perubahan jejak langkah dunia, bahasa Cina perlu dimajukan bersama dengan perkembangan budaya manusia, bahasa Cina mesti dikaji setiap masa untuk mengelakkan daripada ketinggalan zaman.

## 1.6 Kesimpulan

Tujuan kajian ini adalah mengkaji kadar keberkesanan siri fonetik sebagai penentu sebutan dan menwujudkan satu klasifikasi makna tersembunyi yang sistematik dan

teratur (sila rujuk muka surat 8). Dengan adanya kajian ini, para pengguna bahasa Cina akan sedar bahawa setakat mana siri fonetik dapat memainkan peranannya dalam menyampaikan maklumat mengenai sebutan sesuatu tulisan fonetik kompleks. Selain itu, kajian ini juga akan memberi gambaran yang lebih jelas terhadap mereka yang ingin mempelajari bahasa Cina lebih mengenali tulisan fonetik kompleks terutama sekali makna tersembunyi yang didapati pada sesetengah siri fonetik. Akhir sekali, sekiranya kajian terhadap makna tersembunyi yang dijalankan secara sistem dan teratur ini (mengikut klasifikasi vokal) dapat memberangsangkan pengkaji-pengkaji lain sehingga menghasilkan satu sistem klasifikasi yang sistem dan teratur mengenai makna tersembunyi, maka secara langsung ini akan memandu tulisan Cina ke arah yang lebih sistematik lagi.